

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR)**

**TARIKH JAWAPAN : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah pertemuan dengan pemimpin agama selain Islam di setiap negeri dibuat mengikut tahun dan apakah perkara yang dibincangkan. Tidak ada institusi khusus mengawal selia keperluan hal ehwal agama bukan Islam. Adakah peruntukan tertentu khusus untuk memenuhi keperluan mereka.

**JAWAPAN**

1. Kementerian Perpaduan Negara telah mewujudkan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) selain Islam di pada 14 Ogos 2020.
2. Jawatankuasa HARMONI selain Islam yang dipengerusiakan oleh **YB Menteri Perpaduan Negara dan dianggotai oleh 14 orang pemimpin badan-badan agama** atau wakil pertubuhan yang dikenalpasti dan dilantik oleh Kementerian Perpaduan Negara.
3. Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI selain Islam adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>AGAMA</b>	<b>BILANGAN</b>
1	KRISTIAN	4
2	BUDDHA	4
3	HINDU	2
4	SIKH	1
5	TAO	2
6	BAHA'I	1
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>

**JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (HARMONI) BERSAMA JAKIM**

4. Jawatankuasa ini merupakan satu-satunya **platform yang diwujudkan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan bukan Islam** serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

5. Jawatankuasa **HARMONI** bersama **JAKIM** terdiri daripada:
- i. Pengerusi bersama:  
**YB Menteri Perpaduan Negara dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama); dan**
  - ii. **24 orang pemimpin badan-badan agama atau wakil pertubuhan** yang dikenalpasti dan disenarai pendek oleh Kementerian Perpaduan Negara dan JAKIM.
6. Komposisi **Ahli Jawatankuasa HARMONI** bersama **JAKIM** adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>AGAMA</b>	<b>BILANGAN</b>
1	ISLAM	10
2	KRISTIAN	4
3	BUDDHA	4
4	HINDU	2
5	SIKH	1
6	TAO	2
7	BAHA'I	1
<b>JUMLAH</b>		<b>24</b>

7. **Fungsi** Jawatankuasa **HARMONI** adalah seperti berikut:
- i. Membentuk platform pemimpin badan agama, atau persatuan agama serta lain-lain pihak berkaitan;
  - ii. memantapkan iklim perhubungan yang baik dalam kalangan pemimpin serta penganut pelbagai agama berteraskan semangat saling hormat menghormati dan bekerjasama di semua peringkat;

**SOALAN NO. : 12**

- iii. menggalakkan semua penganut agama memahami dan menghormati Perlembagaan Persekutuan;
- iv. meningkatkan penghayatan rakyat kepada nilai-nilai agama selaras dengan Prinsip Rukun Negara; dan
- v. meningkatkan kefahaman mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam agar menjadi sumber kekuatan negara dan masyarakat.
- vi. Membantu menyelesaikan konflik atau salah faham berkaitan isu agama melalui kaedah intervensi dan mediasi.

8. Di peringkat negeri pula, terdapat **14 negeri yang mempunyai jawatankuasa bagi menguruskan hal ehwal agama selain Islam.** Jawatankuasa peringkat negeri ini dipengerusikan oleh EXCO yang memegang portfolio perpaduan kaum di negeri masing-masing. Senarai jawatankuasa tersebut adalah seperti di lampiran.